

20/09/1997

Mahathir isytihar Sarawak darurat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengisytiharkan Darurat Jerebu bagi seluruh Sarawak apabila Indeks Pencemar Udara (API) di negeri itu mencecah 600, jauh melebihi paras berbahaya 301 hingga 500.

Perdana Menteri selaku Pengarah Gerakan Negara, dalam surat pengisytiharannya menjelaskan, darurat itu berkuatkuasa sehingga ia ditarik balik.

Pengisytiharan Darurat Jerebu itu diumumkan oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan dan Bencana Negara, pada sidang akhbar di Bilik Gerakan Negara, Jabatan Perdana Menteri, jam 10.43 pagi.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Pengarah Gerakan Negeri menghebahkan pengisytiharan itu kepada seluruh rakyat Sarawak melalui siaran radio RTM Kuching.

Ini adalah kali pertama dalam sejarah Sarawak, darurat diisytiharkan di negeri itu.

Menurut surat yang ditandatangani Perdana Menteri dan salinannya diedarkan kepada media massa itu, pengisytiharan berkenaan bagaimanapun tidak membabitkan penguatkuasaan perintah berkurung.

Ia juga tidak membabitkan perubahan dalam corak dan sistem pemerintahan kerajaan negeri.

Paras API di Sarawak malam tadi melebihi 400, memaksa kerajaan menutup semua sekolah di negeri itu hari ini. Keadaan bertambah buruk pagi ini apabila paras API mencatat 625 pada jam 9 pagi dan 635 sejam kemudian, lima kali ganda catatan 136 pagi semalam.

Mohamed menjelaskan selepas membaca pengumuman itu, Darurat Jerebu diisytiharkan demi menjaga kesihatan rakyat di kawasan terbabit dan untuk mengelak kemalangan akibat jerebu.

Sambil meminta perintah darurat itu tidak disalah tafsir sehingga menimbulkan kebimbangan tidak perlu, beliau mahu penduduk Sarawak berada dalam rumah dan tidak keluar kecuali apabila benar-benar perlu saja.

Jika perlu keluar rumah pula, mereka dinasihatkan memakai penutup hidung sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kesan jerebu, katanya lagi.

"Kita nak mewujudkan satu keadaan yang rakyat akan lebih selamat," katanya.

(END)